



10 FEBRUARI 2011
BERSAMAAN 7 RABIUL AWAL 1432H

AMANAT NAIB CANSELOR UITM DEWAN AGONG TUANKU CANSELOR

2011

**AMANAT
NAIB CANSELOR UiTM
2011**

KANDUNGAN

Mukadimah	4
VCSP: Ke Arah UiTM Berdaya Maju dan Berdaya Saing	7
Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa	18
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	22
Pusat Perancangan Strategik	30
Pembangunan Infrastruktur dan ICT	32
Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat	34
Memperkasa Keusahawanan	35
Pejabat Pendaftar	37
Pejabat Bendahari	40
Agenda Melayu	43
Peralihan Kuasa Kepimpinan	43
Pengakhir Kata	44
Glosari	47

MUKADIMAH

Dengan penuh takzim dan rendah hati, saya melafazkan kesyukuran, dan puji-pujian ke hazrat Allah Azza wa Jalla atas segala kurnia dan rahmat-Nya, memberi kelapangan waktu, ruang, serta kesihatan, untuk kita sama-sama berhimpun di dewan yang indah ini, sempena Majlis Penyampaian Amanat Tahun Baru saya, sebagai Naib Canselor UiTM, bagi tahun ini, tahun 2011.

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan **Selamat Tahun Baru** kepada semua warga UiTM, di mana tua-tuan dan puan-puan berada, untuk memperdengar amanat saya pada pagi ini. Begitu juga, saya mengucapkan **Selamat Tahun Baru** kepada para pelajar UiTM di Kampus Induk Shah Alam, dan di kampus-kampus lain di seluruh pelosok negara, serta para pelajar yang menjalankan latihan amali atau program sangkutan, di dalam dan di luar negara.

Semoga tahun baru ini menjanjikan suasana yang lebih selesa kepada tuan-puan serta saudara-saudari sekalian, untuk memperkuuh azam, melipat ganda usaha dan mempertingkat komitmen, dalam melaksanakan tanggungjawab dan memenuhi tuntutan, sebagai warga kerja, ataupun sebagai pelajar universiti yang kita cintai ini.

Di kesempatan ini juga, saya menghulurkan salam ukhuwah kepada warga muslimin dan muslimah, sempena tibanya tahun Hijri 1432, pada awal Disember 2010. Walaupun kita telah melepassi bulan Muharram, iaitu bulan pertama dalam takwim Islam, namun saya kira masih belum terlewatt untuk saya mengucapkan **Salam Ma'al Hijrah** kepada tua-tuan dan puan-puan, juga saudara dan saudari.

Semoga tahun baru ini menyaksikan warga kerja serta para pelajar, terus berada pada landasan yang betul, menggalas amanah, memikul tanggungjawab, demi kelangsungan ummah, demi kelangsungan agenda UiTM, dalam memperkasa anak perbumi, dalam menjunjung martabat bangsa, melalui ilmu dan pendidikan, melalui daya usaha menggilap kemahiran dan mempertingkat bakat, agar darjat mereka sebanding dengan darjat bangsa tersohor, zaman-berzaman.

Semoga tahun baru ini menyaksikan warga kerja, apatah lagi pelajar UiTM sebagai pemimpin masa depan, berhijrah ke arah penyatuan bangsa – tidak kira apa pun dukungan ideologi atau falsafah hidup – agar bangsa Melayu yang menjadi tunjang kesejahteraan dan keharmonian bumi bertuah ini terus gah; *Walau dilambung ombak kala berumah di tepi pantai; Walau berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian; Walau hujan batu melanda di negeri sendiri*; kerna *Di mana bumi dipijak, di situ lah langit dijunjung.*

Kepada warga UiTM dari kalangan kaum Cina, saya mengucapkan **Gong Xi Fa Cai**. Semoga Tahun Arnab ini akan membawa tuah kepada tuan-tuan dan puan-puan serta keluarga. Begitu juga kepada penganut-penganut agama Hindu dalam kalangan warga UiTM, saya harap sambutan **Thaipusam** baru-baru ini berjalan lancar bagi tuan-tuan dan puan-puan.

Dalam senario masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini, kita sama-sama memikul tanggungjawab, agar wujud suasana harmonis dalam hubungan antara kaum, kerana keamanan negara bergantung kepada kesejahteraan rakyatnya, tidak kira asal usul, keturunan, budaya atau anutan agama.

Dalam hal ini, peranan UiTM memang jelas. Sesungguhnya sebagai sebuah gedung ilmu, kewujudan UiTM amat penting dalam mengimbangi taburan sosioekonomi rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Oleh itu, UiTM perlu sentiasa terkehadapan, membantu negara untuk terus menyerlah di persada dunia, lantaran tidak terhambat berpunca daripada suara-suara sumbang, yang mempersoal usaha kepimpinan negara dalam menentukan hala tuju negara kita Malaysia, mengikut acuan sendiri, berpayungkan Raja dan bersandarkan Perlembagaan. Atas keinsafan inilah, maka apabila saya kembali ke UiTM genap setahun lalu, saya telah ketengahkan pelbagai gagasan dan inisiatif, dengan harapan agar warga UiTM dapat *Duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi*, khususnya, dalam:

- Memperkasa budaya keilmuan;
- Mengangkat darjat UiTM dengan mencanang pencapaian universiti, selain mencanang kehebatan warga yang mewakili pelbagai bidang, di dalam dan di luar negara;

- Mempertingkat daya usaha menjana kewangan sendiri; dan seterusnya,
- Merakyatkan UiTM agar sentiasa dekat di hati masyarakat, khususnya golongan miskin, apatah lagi yang miskin tegar, tidak ketinggalan juga anak-anak yatim dan yatim piatu.

Alhamdulillah, setelah setahun saya diangkat sebagai nakhoda di universiti tercinta ini, pelbagai usaha telah terlaksana, sejajar dengan hasrat saya untuk memanfaat kehadiran UiTM, pada ketika negara meniti laluan dengan pelbagai cabarannya untuk mencapai status sebuah negara maju, menjelang tahun 2020. Saya akui, kesemua pencapaian yang berhasil sepanjang tempoh setahun ini merupakan terjemahan terhadap komitmen dan kerjasama erat pelbagai pihak di UiTM. Saya tidak mungkin mampu melakukan semua yang dihasrat dan dirancang sehingga menjadi kenyataan, tanpa sokongan padu warga kepada saya, dan juga kepada barisan kepimpinan UiTM.

Oleh itu, sewajarnya saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja UiTM yang ikhlas menjalankan tanggungjawab untuk menganjak UiTM ke tahap yang lebih cemerlang, dalam apa jua inisiatif yang diceburi. Terima kasih saya ucapkan atas khidmat bakti dan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada UiTM, dalam menjayakan usaha memantapkan universiti. Semoga kegigihan dan keikhlasan warga, berkhidmat demi UiTM, demi bangsa dan negara, akan diberikan ganjaran oleh Allah SWT, di dunia dan di akhirat.

Untuk itu, saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan menoleh ke belakang seketika, mengimbau kembali renteten peristiwa dan pengalaman kerja berpasukan, sehingga membawa hasil demi mendukung hasrat saya, sejajar dengan aspirasi pucuk pimpinan KPT, berdasarkan PSPTN.

Apa yang telah kita hasilkan sepanjang tempoh setahun ini juga, adalah seiring dengan tema tahun 2010 sebagai **Tahun Kreativiti dan Inovasi**. Alhamdulillah, berkat kegigihan dan komitmen setiap lapisan warga UiTM, dalam tempoh setahun, banyak yang telah kita capai, walaupun banyak lagi yang perlu kita tempuh. Selain itu, dalam tempoh setahun ke hadapan ini pula, kita perlu terus bekerja keras dan berganding bahu, agar *Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*. Ini bagi memastikan apa yang belum dicapai, dapat disempurnakan pada tahun 2011 ini.

Di samping itu, bagi menentukan bahawa perancangan kita untuk tahun ini tidak tersasar, malah sejajar dengan aspirasi YB Menteri Pengajian Tinggi, maka penting bagi kita menghayati tema KPT bagi tahun 2011, iaitu: ***Pengajian Tinggi ke arah Transformasi Negara***. Justeru itu, saya menaruh harapan agar tuan-tuan dan puan-puan serta para pelajar sekalian, membulatkan tekad untuk sama-sama menterjemahkan tema KPT bagi tahun 2011 ini melalui pelaksanaan inisiatif dan projek yang akan memberi kelebihan kepada UiTM untuk mengungguli pelbagai daya usaha, ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, insya Allah.

Sementelah, inilah hasrat dan harapan yang dikongsi oleh YAB Perdana Menteri untuk negara kita, melalui pelbagai inisiatif bagi menjana ekonomi, dan memperkuat semangat sebagai satu bangsa, serta memperhebat tekad untuk menjadikan gagasan bangsa Malaysia satu kenyataan – tanpa disisihkan hak peribumi. Seterusnya, pagi ini juga, saya akan berkongsi ruang bersama tuan-tuan dan puan-puan, untuk mempersempit Model Hala Tuju Strategik UiTM yang akan dijadikan batu asas, bagi meneruskan perjuangan kita untuk mengilmukam anak bangsa:

- Agar mampu bersaing sehingga ke peringkat antarabangsa,
- Agar mampu menerajui industri pelbagai di mana jua,
- Agar *Melayu tak akan hilang di dunia*.

Apa yang saya sampaikan kepada tuan-tuan dan puan-puan hari ini – sama ada berkenaan dengan dasar, pencapaian atau apa jua pesanan – bukan ditujukan kepada warga UiTM di Shah Alam semata-mata, malahan pesanan dan saranan yang saya sampaikan ini ditujukan juga kepada seluruh warga UiTM di setiap negeri dan kampus, sebagai keluarga besar Universiti Teknologi MARA.

VCSP: Ke Arah UiTM Berdaya Maju dan Berdaya Saing

Salah satu ikhtiar saya untuk memantapkan jentera UiTM secara menyeluruh – baik dari segi pengukuhan akademik, pentadbiran dan pengurusan, mahupun urus tadbir kewangan – ialah melalui pelaksanaan Projek-Projek Khas Naib Canselor atau VCSP. Tujuan VCSP ialah untuk mentransformasi UiTM agar lebih cemerlang hingga mampu menjadi


sebuah universiti tersohor suatu hari nanti. Projek-projek di bawah VCSP ini telah pun dilaksanakan di kampus Shah Alam bermula pada tahun 2010.

Suka saya nyatakan di sini bahawa senarai panjang projek-projek di bawah VCSP bukanlah sesuatu yang dilaksanakan untuk memenuhi kepentingan peribadi semata-mata. Projek-projek tersebut adalah perlu bagi memastikan agar wujud kesinambungan dalam mendukung usaha penambahbaikan dasar universiti dan juga sistem penyampaian UiTM. VCSP ini juga bertujuan untuk memantapkan pencapaian UiTM sehingga kita layak dinobatkan sebagai universiti tersohor suatu hari nanti. Hakikatnya, cetusan rasa saya yang dijelmakan melalui VCSP, merupakan sumbangsih seikhlas hati untuk mengangkat UiTM agar lebih baik daripada sebelumnya. Ini memandangkan bahawa sebagai Naib Canselor, saya kini berada pada kedudukan yang memungkinkan UiTM menggapai yang lebih gemilang, mencapai yang lebih cemerlang, dan mengungguli kedudukan dari kalangan kelompok yang sedia unggul.

Saya berharap, di peringkat UiTM negeri, Pengarah-Pengarah Kampus telah pun berkongsi maklumat dengan warga di kampus masing-masing tentang VCSP, serta objektif di sebalik setiap inisiatif yang dilaksanakan. Di samping itu, saya juga berharap agar Pengarah Kampus juga telah mula meuar-uarkan sistem UePMO, iaitu suatu sistem pemantauan yang mantap, yang dibina dan digunakan untuk memantau pelaksanaan Perancangan Strategik UiTM sejak saya mengambil alih kepimpinan UiTM pada tahun 2010 yang lalu. Sistem UePMO ini, yang bermula dengan proses pemantauan projek-projek di bawah VCSP, diletak di bawah bidang kuasa PPS, UiTM. Sistem ini juga akan digunakan untuk memantau projek-projek di peringkat bahagian dan fakulti. Malahan, pelaksanaannya di kampus-kampus negeri juga sedang dalam perancangan.

Di peringkat ini, Pengarah-Pengarah Kampus dijangka telah mula mengatur strategi untuk mengikut jejak langkah UiTM Shah Alam, bagi memacu kampus masing-masing berdasarkan model hala tuju strategik yang sama, seperti yang digunakan di Shah Alam. Ini adalah penting terutama sekali bagi empat buah kampus negeri yang akan menerima Watikah Perisyntiaran Autonomi Universiti Negeri daripada YB Menteri Pengajian Tinggi, pada 12hb Februari 2011. Keempat-empat kampus


VCSP Issues Status by Project Groups



Average Days of Issues Outstanding



VCSP Issues Status by Assigned to



Overall Issues Status



Senarai VCSP melalui sistem UePMO, 2010

tersebut ialah, UiTM Perak, UiTM Perlis, UiTM Terengganu dan juga UiTM Sarawak.

Saya merasakan perlu untuk saya melakukan semua ini demi melengkapkan citra pencapaian UiTM, agar suatu hari nanti, kita layak diiktiraf sebagai sebuah universiti yang bertaraf dunia. Pada masa yang sama, saya tetap tidak akan meminggirkan matlamat asal penubuhan UiTM sebagai sebuah universiti yang diwujudkan bagi membangunkan ekonomi dan memantapkan kedudukan kaum bumiputera agar setanding dengan kaum lain di negara ini, apatah lagi sebagai kaum peribumi.

Dalam pada itu, kita perlu menerima hakikat bahawa untuk menjadi sebuah universiti yang bertaraf dunia, UiTM perlu membuat persiapan rapi. Pelbagai usaha perlu dilakukan dan pengorbanan-pengorbanan perlu dibuat untuk sampai ke tahap sebuah universiti bertaraf dunia. Kita juga perlu memberi perhatian khusus terhadap setiap aspek pembangunan universiti. Kita tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menganggap bahawa universiti kita ini sudah bertaraf dunia, tanpa terlebih dahulu mendapat pengiktirafan daripada universiti-universiti tersohor di dunia. Dalam hal ini, tentu sekali kita tidak mungkin akan diiktiraf oleh universiti-universiti tersohor dunia sekiranya pencapaian dan prestasi kita kurang cemerlang, ataupun kita masih belum memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk terpilih sebagai sebuah universiti bertaraf dunia.

Sememangnya bukan perkara mudah untuk UiTM dinobatkan sebagai sebuah universiti bertaraf dunia. Sedangkan universiti tertua di Malaysia pun, yang hampir menjangkau usia seratus tahun, masih belum mampu mencapai tahap tersohor, apatah lagi universiti kita yang masih setahun jagung. Namun, saya yakin kita mampu mencapai taraf tersebut sekiranya kita gigih berusaha ke arah itu. Hingga kini, pelbagai inisiatif telah dilakukan untuk mengangkat UiTM ke persada antarabangsa. Ini termasuklah memupuk kerjasama dengan universiti-universiti tersohor dunia. Alhamdulillah, setakat ini, Harvard, MIT, Oxford, Johns Hopkins, McMaster, McGill, dan KDVI, telah menyatakan persetujuan untuk menjalin usaha sama dengan UiTM, termasuklah membantu kita dalam bidang penyelidikan.

Malahan baru-baru ini, kita telah diberi penghargaan oleh MIT apabila universiti tersohor berkenaan bersetuju untuk memeterai MoU dengan

UiTM. Kesediaan MIT untuk bekerjasama dengan UiTM merupakan satu penghormatan yang datang dengan sendirinya daripada pihak MIT. Pengiktirafan tersebut sekali gus membuktikan bahawa, bagi universiti terbilang ini, pencapaian demi pencapaian yang kita perolehi melayakkkan UiTM untuk diberi peranan sebagai rakan kongsi dalam bidang penyelidikan. Oleh itu, saya menaruh harapan agar warga UiTM akan terus memberi sokongan padu kepada saya dalam usaha saya meletakkan UiTM di peta dunia. Saya juga mengharapkan agar warga akan sentiasa sama-sama berusaha untuk mengharumkan nama universiti tercinta ini di persada dunia melalui pelbagai inisiatif mendukung kesarjanaan dan kecemerlangan akademia.

Seiring dengan ini, saya mengharapkan supaya daya usaha serupa disemarakkan juga di peringkat fakulti dan kampus cawangan, bagi meletakkan fakulti-fakulti dan kampus-kampus cawangan UiTM di peta dunia. Malahan, saya menginginkan agar diwujudkan kesinambungan dalam pemerkasaan bangsa Melayu dengan mempertingkatkan usaha demi meletakkan bangsa tercinta di peta dunia. Dengan ini, saya menyeru kepada warga UiTM, tanpa mengira agama, kepercayaan atau ideologi, agar berdiri bersama-sama saya dan melipatgandakan usaha ke arah yang serupa, kerana banyak lagi cabaran yang perlu kita tempuh dan tongkah untuk menjadikan universiti tercinta ini tersohor dan ternama.

Namun, untuk mencapai taraf sebuah universiti tersohor, penting bagi UiTM mempertingkatkan pencapaian kita dalam bidang penyelidikan. Malah, kita sememangnya mempunyai keupayaan untuk memperolehi status sebuah universiti penyelidikan, dengan mengambil kira warga akademik yang kini menjangkau lebih 8,000 orang, yang memenuhi keperluan akademik di pelbagai bidang, terangkum di bawah 25 buah fakulti, dengan jumlah pelajar seramai lebih 182,000 orang.

Sekiranya terdapat perubahan pada hala tuju UiTM, maka perlu ada juga perubahan pada peraturan dan struktur akademiknya dari segi nisbah penawaran program di peringkat diploma, ijazah dan juga pascasiswazah. Umpamanya, bagi memenuhi tuntutan sebuah Universiti Penyelidikan dengan menambah program ijazah sarjana berbanding diploma dan ijazah pertama, maka kita akan tersasar daripada matlamat asal penubuhan UiTM, iaitu, untuk melahirkan profesional dan separa profesional

bumiputera. Sekiranya status UiTM berubah menjadi sebuah Universiti Penyelidikan, ia akan memberi implikasi bahawa kita tidak boleh lagi mengeluarkan profesional dan separa profesional dalam jumlah yang ramai. Dalam hal ini, KPT, sebagai pembuat dasar, tentu sekali tidak akan merestui sebarang hasrat yang membelakangkan matlamat asal penubuhan UiTM.

Walau bagaimanapun, ini tidak bererti peluang telah tertutup untuk UiTM mencapai status Universiti Penyelidikan. Malahan, satu perbincangan telah diadakan antara saya dan Menteri Pengajian Tinggi, di mana satu model baru telah dikemukakan kepada YB Menteri, merangkumi pemberian autonomi kepada kampus-kampus cawangan, yang seterusnya diberi tanggungjawab untuk melahirkan profesional dan separa profesional. Manakala, kampus induk di Shah Alam akan dikhususkan untuk penawaran program-program pengajian di peringkat pascasiswazah. Maka UiTM induklah yang akan dijadikan kampus penyelidikan, seterusnya memenuhi impian warga untuk menjadikan UiTM sebuah Universiti Penyelidikan.

Di saat ini juga, usaha masih dijalankan untuk mendapat restu pihak berwajib agar UiTM diberi taraf Universiti Diraja – tanpa perlu ada sebarang perubahan pada nama, bagi melestari nilai sentimental yang wujud pada nama UiTM, yang melambangkan sentimen kita terhadap perjuangan bangsa. Insya Allah, sekiranya semua perancangan berjalan lancar – dan setakat ini, memang harapan kita nampak cerah dan positif – kita akan dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA dengan tertera gelaran *The Royal University* pada baris berikutnya.

Walau bagaimanapun, kita perlu menerima hakikat bahawa kedua-dua inisiatif ini, iaitu, mencapai taraf *Research University* dan juga *Royal University*, tidak mungkin dapat dicapai dalam masa yang singkat. Oleh itu, saya harap warga akan sama-sama bersabar dan pada masa yang sama juga, terus bekerja keras mengangkat UiTM agar satu hari nanti, kita akan diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan, dan seterusnya, sebagai universiti tersohor. Dengan ini, saya harap, tidak akan ada lagi keraguan dalam kalangan warga berhubung usaha dan impian saya untuk meletakkan UiTM sebaris dengan universiti-universiti terunggul di seluruh dunia.

Project Health

Project Name	Project Managers	% Complete	Schedule Status	Workplan QA
Sustainable Campus: Water Management	Hamidon Ahmad (PM)	33 %	✗	5. Approved
Sustainable Campus: Energy Management	Hamidah Mohd Saman (Pl)	20 %	✗	5. Approved
Sustainable Campus: Transportation System Management	Zakaria Ahmad (PM)	Harmoni Ahmad (PM) %	?	5. Approved
Sustainable Campus: Land Use Management	Baharudin Mohd Hanipah	22 %	✓	5. Approved
Sustainable Campus: Waste Management	Jefti Jaapar	100 %	✓	5. Approved
Sustainable Campus: Chemical Safety and Hazardous Waste Management	Hasmora Jaffri (PM)	58 %	✓	5. Approved

Work Details

Title	Work Type	Due Date	Assigned To
(1) Overdue		15/05/2011	
(4) Due This Week		20/05/2011	
(5) Due Next Week		24/05/2011	
(6) Due This Month		31/05/2011	
(7) Future		19/06/2013	


Task Summary

In Progress: 0 (0%)
 Late: 0 (0%)
 Not Started: 0 (0%)
 Completed: 0 / 0%)

VC's Remarks

Sent!

Projects Status (Avg % Complete)



Projects Status

Projek 'Teknologi Hijau' di bawah VCSP, 2010

7 Wasiat Raja-Raja Melayu

PERTAMA

Kami namakan dan
kami panggil akan dia,
bumi yang kamu pijak
dan langit yang kamu
jungung, PERSEKUTUAN
TANAH MELAYU (MALAYSIA)

KEDUA

Kami isytihar dan kami
simpan untuk kamu dan
kami benar-benar kamu
isythiar dan simpan untuk
anak cucu kamu, selain
gurung ganang, tasik dan
hutan simpan, TANAH SIMPANAN
MELAYU, sehingga nisbah
50% selebihnya kamu rebutlah
bersama-sama kaum lain

KETIGA

Bagi menjaga kamu dan
bagi melindungi anak cucu
kamu serta harta hak milik
kamu, kami telah tubuhkan
REJIMEN ASKAR MELAYU selain
untuk membenteryas kekacauan
dalam negara dan ancaman
dari luar negara

KEEMPAT

Kami kekalkan dan kami jamin
kerajaan dan kedaulatan
RAJA-RAJA MELAYU memerintahkan
negara ini

KELIMA

Kami isytiharkan ISLAM
ialah AGAMA PERSEKUTUAN

KEENAM

Kami tetapkan BAHASA KEBANGSAAN
ialah BAHASA MELAYU

KETUJUH

Kami amanahkan dan kami
pertanggungjawabkan kepada
Raja-Raja Melayu untuk melindungi
KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU
dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN
(Kemudian ditambah kedudukan
istimewa anak Negeri Sabah dan
Sarawak)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PEMENANG
Anugerah Kordil
Perding Manteri
2008-09



Konsen & teknologi, kredit dan konsep dari Korpasol

Justeru, hasrat inilah yang saya terjemahkan dalam bentuk VCSP, sebagai manifestasi penghargaan saya kepada universiti ini, dan juga penghargaan saya terhadap tokoh-tokoh terdahulu, yang telah mengubah destini saya – daripada seorang remaja yang tak punya apa-apa, tetapi kini menerjui sebuah universiti mega, yang memperjuangkan nasib peribumi, berpaksikan **Perlembagaan** sebagai landasan, dan **Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu** sebagai pedoman, seperti yang sering kali saya ungkapkan sebelum ini.

Oleh itu, sekiranya masih ada yang musykil akan tindak-tanduk saya dalam menggerakkan jentera UiTM, terus terang saya katakan, saya sekadar berhasrat memberi yang terbaik demi UiTM. Sekiranya ada yang masih sangsi akan niat saya menyemarakkan usaha yang seakan tidak bernoktah ini, saya katakan di sini, saya tidak akan berada di tampuk kepimpinan untuk selama-lamanya. Tidak terlintas di hati saya untuk terus berada di tampuk kuasa, dan bukan juga niat saya untuk membina satu empayar bagi memenuhi keinginan peribadi. Hadirnya saya di sini semata-mata kerana cinta saya kepada UiTM. Sesungguhnya, dengan izin Allah, *Cintaku, nyawaku dan yang mengalir dalam darahku... sentiasa UiTM*. Dan, sekiranya masih ada yang tertanya-tanya pasukan mana yang menjadi pilihan, pasukan mana yang memberi nasihat, atau pasukan mana yang berkongsi pandangan dengan saya, terus terang saya katakan, saya hanya ada satu pasukan – iaitu Pasukan UiTM.

Yakinlah bahawa dalam membuat keputusan, saya tidak akan mudah terpengaruh dengan maklumat dan perkhabaran yang kabur sumbernya, kerana ia bukan sesuatu yang saya budayakan dalam hidup. Seperti yang telah dikatakan pada Amanat saya tahun lalu: sebagai seorang jurutera, saya dilatih untuk menganalisa setiap permasalahan dan keadaan. Sebagai seorang pemimpin, saya sedar perlunya saya berlaku adil. Saya akan menilai kekuatan yang ada pada seseorang, dan bukan setakat melihat pada kelemahannya. Begitu juga saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan tidak mudah untuk percaya apa yang didengar berdasarkan persepsi atau khabar angin. Sesungguhnya, kita semua bertuah dikurniakan kebijaksanaan oleh Yang Maha Pencipta. Oleh itu, seharusnya kita menggunakan anugerah ini untuk dimanfaatkan bersama.

Sebagai satu pasukan, saya andaikan tuan-tuan dan puan-puan berkongsi impian dengan saya, demi kecemerlangan UiTM. Sebagai satu pasukan,

saya menginginkan agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa bersama saya – meredah hutan, menyelam dasar lautan, ke gunung didaki, ke lurah dituruti. Sebagai satu pasukan, saya mengharapkan kita sama-sama meraikan pencapaian ahli-ahli yang lain, apabila mereka berjaya menapak ke hadapan, dalam usaha mengangkat martabat UiTM.

Walau di mana pun tuan-tuan dan puan-puan berada – di utara, di selatan, di timur dan di barat, di Sabah atau di Sarawak; tuan-tuan dan puan-puanlah ahli pasukan saya. Walau apa pun kedudukan tuan-tuan dan puan-puan dalam susur-galur UiTM, sumbang bakti dan khidmat yang diberikan, dengan ikhlas lagi jujur, amat penting dalam membantu saya memandu UiTM, agar sampai ke destinasi yang dipilih. Dengan ini, sukacita saya maklumkan, bahawa dalam tempoh setahun, pelbagai pihak dalam pasukan UiTM, telah berjaya melakar sejarah, dengan menterjemahkan hasrat dan aspirasi saya hingga menjadi kenyataan. Maka pencapaian-pencapaian inilah yang akan kita kongsi bersama dan raikan pada pagi ini.

Saya amat berbangga, kerana warga UiTM terbukti cekap dan sentiasa proaktif dalam mematuhi serta memenuhi kehendak sistem. Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Pendaftar serta Bendahari UiTM yang telah memimpin jabatan masing-masing dengan baik, sehingga UiTM mampu menjadi contoh pentadbiran sumber manusia serta pengurusan kewangan universiti yang cekap.

Bukan mudah untuk mentadbir dan mengurus sumber dan aset dalam jumlah yang besar, meliputi seluruh negara, berbanding dengan IPT-IPT lain di Malaysia, namun UiTM tetap mampu melakukannya. Tentu sekali ini kerana kita mempunyai para pentadbir, para pegawai kewangan, dan kakitangan sokongan yang berdedikasi dan peka terhadap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk menggerakkan universiti. Oleh itu, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga pentadbir dan kakitangan sokongan UiTM, walau di mana pun tuan-tuan dan puan-puan berkhidmat.

Harapan saya semoga setiap lapisan warga pentadbiran UiTM akan terus ikhlas dan cemerlang menjalankan tugas dan menggalas amanah untuk menjadikan UiTM sebuah universiti kebanggaan kita bersama.



Academic Affairs Division (BHEA)

Project Home Overview Tasks Issues Risks Lists Documents

Fri May 20 2011

Suharto Haryadi Abu
Bakar (Data Prof Dr Ef)

View Project: 2011-2012 - Academic Affairs Division (BHEA) - Task Summary						
Actions		Scoring		Planning View		
Task Name	Schedule Status	Duration	Start	Finish	Resource Names	% Complete
- Phase 1: Joint-venture MBA program with London University	On Track	404.00	9/08/2010	16/09/2011		24 %
Final design and development of joint university partners in and a	On Track	223.00	9/08/2010	24/08/2011		50 %
Sign up and receive a certificate of participation	On Track	151.00	21/11/2010	31/01/2011		50 %
Drafting joint's charter by MBI Organ	On Track	37.00	4/01/2011	31/01/2011		No
Contracting MBI Organ	On Track	70.00	15/01/2011	25/04/2011		No
Signings MOU	On Track	20.00	16/04/2011	5/07/2011		No
Phase 1: Offering UTM MBA program in London	On Track	1.00	15/03/2011	16/09/2011		Yes
Phase 2: Offering UTM MBA program in London	On Track	254.00	9/01/2012	18/09/2012		0 %
Contracting MBI Organ	On Track	51.00	5/01/2012	29/03/2012		No
Signings MOU	On Track	1.00	28/04/2012	25/04/2012		Yes
Offer UTM MBA program	On Track	1.00	12/05/2012	18/09/2012		Yes
- Master and Bachelor Programs in Central Asia/Middle East	On Track	346.00	19/07/2010	19/07/2011		32 %
- Master Programs (Master of Accountancy/ Forensic/ MBA)	On Track	251.00	19/07/2010	4/07/2011		25 %
Identify other academic partners	On Track	46.00	19/07/2010	2/09/2010		No
Contracting institutions and setting of standards to be established	On Track	223.00	19/07/2010	28/02/2011		100 %
Site visit and meeting with selected universities	On Track	52.00	10/01/2011	28/02/2011		No
Teaching of MBI Organ	On Track	43.00	28/02/2011	3/03/2011		No
Offering of courses	On Track	1.00	15/06/2011	15/06/2011		Yes
Bachelor programs (computer science, banking, business, hotel)	On Track	310.00	4/07/2011	4/07/2011		Yes
Implementation of commercial partnerships in Central Asia	On Track	23.00	12/09/2010	15/10/2010		28 %
- Bachelor Programs in Central Asia/Middle East	On Track	95.00	13/09/2010	100 %		No

Sebahagian projek-projek di bawah VCSP, 2010

1. Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa

Semasa Amanat Tahun Baru saya pada 2010 yang lalu, saya telah menyatakan hasrat untuk memantapkan kedudukan UiTM menerusi program-program baru dan futuristik bagi memberi UiTM daya saing, tidak kira sama ada di dalam negara ataupun di persada dunia. Sejak itu, saya telah mengemukakan saranan kepada BHEA dan juga fakulti-fakulti untuk mengenal pasti 200 program baru dan futuristik, bagi mempertingkatkan kebolehpasaran dan daya saing graduan UiTM.

Tahniah saya ucapan kepada Ketua-Ketua Jabatan yang komited dalam menjayakan usaha ini. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan menawarkan program-program tersebut, saya harap BHEA akan dapat membantu mempercepat pelaksanaan program-program berkenaan. Saya yakin sekiranya ada kesepaduan dan komitmen dalam kalangan warga untuk mentransformasi UiTM hingga menjadi universiti tersohor, kita akan dapat mencapai sasaran 200 program futuristik ini, untuk sedia ditawarkan. Saya menaruh harapan kepada kepimpinan serta warga BHEA, untuk menterjemahkan gagasan tahun 2010 itu, agar menjadi kenyataan pada tahun 2011.

Malah, pada tahun ini juga, saya berjanji akan memberi lebih ruang kepada warga akademik untuk memperkuuh kerjaya mereka, dengan memberi lebih banyak peluang kenaikan pangkat. Justeru, tiga kaedah telah diperkenalkan bagi memastikan proses kenaikan pangkat – walaupun hingga ke taraf Profesor – akan mengambil kira kekuatan-kekuatan yang ada pada para pensyarah berkenaan. Dalam hal ini, saya ambil maklum bahawa bukan semua pensyarah yang cenderung untuk terbabit dalam penyelidikan, sebaliknya, mereka merupakan pensyarah yang hebat dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Alhamdulillah, dalam hal ini juga, kita bertuah kerana KPT telah merestui hasrat UiTM untuk melaksanakan kaedah kenaikan pangkat yang berbeza daripada universiti lain, tetapi bersesuaian dengan keperluan UiTM yang harus memberi lebih tumpuan kepada bidang pengajaran dan pembelajaran. Insya Allah, dengan kelonggaran yang diberikan ini, lebih ramai lagi pensyarah yang rajin berusaha dan taat setia kepada UiTM, dapat diberi pengiktirafan melalui ganjaran kenaikan pangkat.

Insya Allah melalui kaedah ini, tidak akan timbul keadaan di mana pihak pengurusan terlepas pandang mana-mana pensyarah yang telah lama memberi khidmat bakti kepada UiTM. Insya Allah, para pensyarah yang tergolong dalam kategori ini, termasuk yang telah tamat perkhidmatan, masih berpeluang untuk dinaikkan pangkat ke Gred VK7, sekiranya layak dan memenuhi syarat. Alhamdulillah, inilah kelebihan yang ada pada kita di UiTM, walaupun sudah bersara, masih ada peluang untuk menjadi Profesor, dan masih ada peluang untuk dinaikkan pangkat ke Gred VK7. Sehubungan itu, permohonan untuk kenaikan pangkat bagi warga akademik UiTM adalah berdasarkan:

Pertama: Pengalaman dalam bidang pengajaran dan pembelajaran; atau

Kedua: Pengalaman dalam bidang penyelidikan; atau

Ketiga: Kaedah kenaikan pangkat yang sedia diamalkan di UiTM.

Kenaikan pangkat untuk kategori pertama ialah bersandarkan kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, di samping pembabitan yang luas dalam bidang penulisan dan penerbitan buku. Kaedah ini juga digunakan bagi mengiktiraf sumbangan golongan pensyarah yang telah berkhidmat di UiTM selama lebih 20 tahun. Untuk kategori ini juga, kenaikan pangkat ke jawatan Profesor akan dinilai oleh sebuah jawatankuasa dalaman yang ditubuhkan khas bagi tujuan tersebut.

Seterusnya, kenaikan pangkat untuk kategori kedua pula bertujuan untuk mengiktiraf pensyarah yang berkecimpung dan cemerlang dalam bidang R&D. Ini sejajar dengan usaha kita untuk mencapai status Universiti Penyelidikan. Seterusnya, kenaikan pangkat untuk kategori ketiga adalah sama seperti yang diamalkan di IPT lain di negara ini.

Bagi para pensyarah yang berminat untuk berkecimpung dalam penulisan buku, UiTM telah mengenal pasti pihak yang dapat membantu menghasilkan buku dalam tempoh yang lebih singkat.

Selain menambah peluang kenaikan pangkat, insya Allah, tahun ini UiTM juga akan menambah jumlah biasiswa untuk pensyarah dan pentadbir, dengan syarat, pemohon memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan, yang berdasarkan merit semata-mata. Pihak pengurusan akan

Kelayakan Akademik	Bil	Peratus
Phd	848	10.3
Sarjana	6,166	75.1
Profesional	28	0.3
Ijazah (Am,kepujian, Diploma Lanjutan)	1,041	12.7
Diploma & Lain-lain	127	1.6
Jumlah Besar	8,210	100

Jumlah Pensyarah berdasarkan Kelayakan Akademik (2011)

menentukan hanya yang terbaik sahaja akan diberi peluang melanjutkan pengajian. Ini bagi memastikan tidak ada sebarang calon yang gagal semasa pengajian, malahan berupaya menamatkan pengajian dengan jayanya, khususnya bagi calon-calon di peringkat PhD. Berbalik kepada isu kenaikan pangkat, pada hari ini, sukacita saya umumkan jumlah kenaikan pangkat jawatan akademik bagi tahun 2010, iaitu seramai:

- 339 pensyarah bagi jawatan Pensyarah Kanan Gred DM52;
- 11 pensyarah bagi jawatan Profesor Madya Gred DM54;
- 15 pensyarah bagi jawatan Profesor Gred Khas C; dan
- 3 pensyarah bagi jawatan Gred Khas B.

Di samping itu juga, pada 9hb Februari 2011, sehari sebelum Amanat saya ini, Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan telah meluluskan kenaikan pangkat untuk 30 pensyarah dari Fakulti Perubatan dan Fakulti Farmasi, berdasarkan laluan kerjaya di bawah peruntukan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pensyarah-pensyarah kita yang sedang cuti belajar juga berpeluang memohon untuk kenaikan pangkat, sebagai mengiktiraf sumbangan mereka sepanjang perkhidmatan sebelum mula bercuti untuk melanjutkan pengajian. Malahan, daripada jumlah 368 pensyarah yang disenaraikan ini, seramai 150 orang terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang sedang cuti belajar. Dengan pengumuman ini, saya harap warga sedia maklum bahawa proses kenaikan pangkat sentiasa diberi perhatian

sewajarnya oleh pihak pengurusan universiti.

Sejajar dengan usaha memperkuuh kedudukan universiti, saya ingin menyarankan supaya pensyarah-pensyarah kanan memperhebat usaha mengangkat kesarjanaan dan memantapkan kerjaya sebagai warga akademik dengan menghasilkan penulisan dalam jurnal berwasit. Sebaliknya, pensyarah-pensyarah muda pula harus membiasakan diri membentang kertas kerja di persidangan luar negara, bagi tujuan pendedahan di peringkat antarabangsa, dan bagi memperkuuh kerjaya mereka. Saya harap BHEA akan memperhalusi saranan saya ini untuk diterjemahkan menjadi polisi universiti. Saya juga berpuas hati kerana usaha untuk memperkasa kesarjanaan di UiTM juga telah menampakkan hasil melalui kesungguhan pihak-pihak yang terlibat untuk menjelmakan hasrat saya tahun lalu hingga menjadi kenyataan. Ini termasuklah inisiatif-inisiatif berikut:

- Menambah program pascasiswazah;
- Memperkenal program merentas disiplin;
- Tawaran ijazah MBA kepada graduan Ijazah Sarjana Muda dalam gugusan S&T yang cemerlang. (Program ini merupakan program perintis di peringkat pengajian tinggi di negara ini, ditawarkan secara percuma sebagai usaha membantu anak bangsa);
- MyBrain15;
- Memperkenalkan program pascadoktoral;
- Struktur anjal program akademik iaitu program Diploma 2-Trek.

Dalam hal ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik kerana sentiasa terkehadapan dalam pelbagai usaha untuk meletakkan UiTM setanding dengan universiti-universiti yang lebih lama berkecimpung di persada pengajian tinggi. Usaha-usaha BHEA ini termasuklah:

- Menghadkan pengambilan pelajar antarabangsa, sebaliknya menambah penghantaran pelajar dan pensyarah UiTM ke luar negara melalui program sangkutan atau pertukaran; (Dalam hal ini, memang kita tidak seharusnya mengambil pelajar-pelajar luar negara untuk mengisi tempat yang dikhaskan untuk anak bumiputera. Namun, kita bolehlah memberi kelonggaran kepada kemasukan pelajar pascasiswazah asing melalui program kerjasama dengan universiti luar);

- Meletakkan fakulti dan kampus negeri di peta dunia:
 - * Usaha sama dengan universiti tersohor – seperti yang telah saya sebutkan di awal ucapan;
 - * Penubuhan 12 universiti berautonomi, bermula dengan empat kampus yang telah disebutkan sebelum ini;
- Fungsi dan peranan 12 universiti sebagai universiti komprehensif;
- Pengurangan beban tugas bukan akademik bagi para pensyarah;
- Memperkenalkan Anugerah Akademik;
- Modul OBE dan juga modul SCL untuk pensyarah;
- Memperhebat pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga, khususnya bahasa Arab dan Mandarin, bagi menambah daya saing graduan.

Oleh itu, saya berharap agar pensyarah-pensyarah yang berkenaan bukan setakat mengajar bahasa ketiga bagi membantu pelajar-pelajar kita lulus dalam peperiksaan, malahan pensyarah juga harus pastikan bahawa pelajar-pelajar kita mampu bertutur dalam bahasa tersebut dalam suasana harian dan bukan setakat dalam situasi bilik darjah. Di samping itu, saya juga ingin melihat lebih usaha dipergiatkan bagi memantapkan penggunaan bahasa Melayu yang menepati standard dan piawai, demi mendukung aspirasi perpaduan dan keserakahan. Selain itu, UiTM perlu dilihat memartabatkan bahasa Melayu dalam mengisi peranannya sebagai bahasa rasmi sebuah negara bangsa yang ulung. Begitu juga perlu ada inisiatif untuk memastikan kesinambungan dan peningkatan usaha pengantarabangsaan bahasa dan pengajian Melayu.

2. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Kita sedia maklum bahawa mulai tahun ini, KPT akan mengubah secara berperingkat-peringkat, sesi kemasukan pelajar di semua IPT, dengan kemasukan calon di peringkat diploma kekal pada bulan Julai, sementara kemasukan calon ijazah dipindah ke bulan September. Perubahan ini bertujuan membolehkan universiti-universiti di Malaysia melaksanakan program mobiliti pelajar dan pensyarah dengan lebih berkesan kerana tempohnya seiring dengan sesi pengajian di luar negara. Dan insya Allah, perubahan ini juga akan memudahkan warga UiTM untuk merancang percutian, termasuklah bagi mereka yang berhasrat mengerjakan ibadah umrah. Saya faham bahawa selama ini, terdapat kekangan bagi sesetengah

pensyarah yang merancang untuk mengerjakan ibadah umrah kerana terikat dengan tugas-tugas hakiki, walaupun semasa cuti semester.

Oleh itu, dengan adanya sistem baru ini, saya harap tidak akan ada lagi permohonan untuk bercuti dalam tempoh berlangsungnya sesi akademik. Saya meminta kerjasama Ketua-Ketua Jabatan, Dekan-Dekan dan juga Pengarah-Pengarah Kampus agar tidak lagi memanjangkan kepada saya permohonan cuti pensyarah-pensyarah yang bertindan dengan tempoh semester berlangsung. Saya pasti kita semua jelas mengenai polisi ini. Selain itu, perubahan pada sistem semester yang baru ini juga memberi peluang kepada universiti untuk menghantar pelajar-pelajar menyertai program-program pertukaran di luar negara, sekaligus memberi nilai tambah kepada pelajar kita, termasuklah memupuk daya saing graduan dalam pasaran kerja hingga ke peringkat global.

Dalam hal ini, saya mahukan agar Bahagian HEPA memberi lebih pendedahan kepada para pelajar kita dengan memperbanyakkan program kemasyarakatan. Insya Allah, pendedahan sebegini mampu memupuk peribadi unggul dalam kalangan pelajar kita. Sememangnya, kita mahukan pelajar dan graduan UiTM menjadi rakyat yang siap siaga dari segi sikap dan penghayatan, dalam menghadapi era baru bagi Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Usaha-usaha yang harus dipelopori oleh HEPA termasuklah memperhebatkan program dan aktiviti yang mendukung aspirasi di sebalik **Projek Kasih Sayang 1Malaysia**.

Program sebegini, yang dianjurkan dalam suasana santai, mampu mendekatkan para pelajar kepada pucuk pimpinan UiTM dan mengurangkan jurang antara pelajar dan warga kerja universiti. Tidak dapat dinafikan, para pelajar merupakan aset penting dalam konteks memperkasa peranan sebuah institusi pengajian tinggi. Dan, usaha membentuk peribadi unggul dalam kalangan pelajar kita merupakan sesuatu yang seharusnya berterusan. Oleh itu, saya juga ingin melihat HEPA merencana satu program mingguan yang menarik bagi memastikan para pelajar berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti universiti. Saya dapat lihat bahawa salah satu program seumpama ini yang berjaya menarik minat para pelajar kita ialah petunjukan fesyen yang diadakan oleh para pelajar kita di London, tidak lama dulu.



Kasih Sayang 1Malaysia Project

[Project Home](#) · [Overview](#) · [Tasks](#) · [Issues](#) · [Risks](#) · [Lists](#) · [Documents](#) ·

Good Morning, Sahol Hamid Abu Bakar(Dato Prof Ir Dr)



Friday, 20 May 2011

Project Health

Project Name	Project Managers	% Complete	Schedule Status	Workplan QA
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PP-Accountancy)	Zuraidah Mohd Sanusi (P)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (HEPA)	Mohamed Azmi Adnan	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PSR)	Abdul Rahim Jali (PM H)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PP-Dentistry)	Norhaenda Nordin (Dr)	40 %	⌚	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PP-Education)	Norsidah Mohammed No	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PTKA)	Syahrul Fitri Musa	65 %	⌚	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PPR)	Abdal Samad bin Nawi (P)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PHPR)	Zafira Hejia Isa (PM)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PPM)	Azman Mat Isa (Dr)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PKA)	Azmi Ibrahim (PM Dr)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PRE)	Norfishah Abdul Wahab	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PKX)	Norazah Abd Rahman (P)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (POI)	Normah Othman	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PPTP)	Wan Abdul Azz Abdul K	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PSG)	Rohaya Ahmad (PM Dr)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PSK)	Wan Kamli Wan Mohamz	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PSQH)	Mazani Manaf (PM Dr)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PSPPP)	Zulkifli Beharud-din	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PSPU)	Hopiah Othman (Dr Haja)	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PJJU)	Mohd Bahruddin Othman (Di	100 %	✓	5. Approved
Kasih Sayang 1 Malaysia Project (PRPM)	Hariyati Arifin	71 %	⌚	5. Approved

VC's Remarks:

Projects Status (Avg % Complete)


Projek ‘Kasih Sayang 1Malaysia’ di bawah VCSP, 2010

Dalam pada itu, saya harap HEPA akan teruskan usaha mengembangkan Pro-KI bagi memantapkan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan. Pada tahun ini juga, kita berharap akan dapat mengukur indeks kemahiran insaniah pelajar UiTM mengikut fakulti, berdasarkan tujuh elemen kemahiran insaniah yang telah digariskan.

Memandangkan tahun 2011 merupakan **Tahun Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar**, kita perlu meningkatkan kesejahteraan pelajar melalui penawaran perkhidmatan berkualiti, supaya dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar. Insya Allah, usaha ini dapat membantu pelajar agar lebih produktif, ke arah melahirkan ilmuwan unggul. Di sini, saya ingin menyatakan rasa bangga saya terhadap para pelajar kita, kerana pemantauan daripada pihak berkuasa mendapati bahawa dari kalangan laman *Facebook* yang dikendalikan oleh IPT-IPT dan jabatan-jabatan kerajaan lain, komunikasi di *Facebook* UiTM adalah antara yang paling tertib. Dalam hal ini, kita sedia maklum bahawa sebahagian besar daripada pengunjung *Facebook* UiTM terdiri daripada pelajar-pelajar kita.

Dalam pada itu, ramai yang bertanya: bagaimana saya membahagi masa untuk menjawab isu-isu yang dikemukakan oleh para pelajar dalam laman *Facebook* UiTM. Tuan-tuan dan puan-puan, alhamdulillah, dengan adanya kecanggihan ICT, seperti iPad dan wi-fi, saya dapat berkomunikasi secara mudah dengan para pelajar, tanpa mengira waktu atau tempat. Masa rehat saya semasa tidur pun agak singkat. Malahan, kemudahan *Facebook* inilah yang telah membantu dalam menyalur maklumat kepada pengurusan atasan oleh para pelajar semasa banjir melanda UiTM Johor baru-baru ini.

Ada juga yang bertanya: mengapa saya terlalu melayan aduan pelajar. Tuan-tuan dan puan-puan, saya menganggap para pelajar sebagai anak-anak saya sendiri; dan saya sayangkan para pelajar seperti seorang bapa sayangkan anak-anaknya. Tambahan pula siapa lagi yang akan mendengar keluhan hati anak-anak, kalau bukan seorang ayah? Selain itu, para pelajar merupakan pelanggan kita di UiTM; dan memandangkan peranan UiTM ialah untuk memberi khidmat pendidikan, maka sewajarnya menjadi tanggungjawab kita memastikan pelanggan kita berpuas hati dengan khidmat yang diberi.

MARA (UiTM) ... [Corporate](#) [Corporate](#) [Google Translate](#)

Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar

facebook

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Wall Info Photos Discussions Boxes Video > +

Share Status Photo Link Video

Sheikh Muhd Adzam bin prof sahol, saya ade 2 pertaya yg perlu penjelasan.

1. saya mendapat hadiah telak saya & rakam2 saya yg buat din domarkas oleh sistem segerakan apabila kita menjalani kaki ke dalam universiti, bukan klas kunci yg tentulah apabila saya mahu naik turun kies, sistem open-beri-tahsul says, menteri pun dr pegawai2 stesen... omen...

Sert Rahaya A Aziz Selam... Penerima dan jawilan buku telok dan rujukan disediakan pada 11 Jan - 14 Jan 2011 mulai 9 am - 5 pm di bilangan Lantai PTAR 1, berhampiran kedua bilik Masjidah di PTAR 4 dari Kampus Sungai Ara (Jungler) Fakulti Sains Khasiatan (FSK) 7) akan dihadiri pada 18 Jan - 19 Jan 2011 dan 21 Jan 2011 jam 9 am - 3 pm.

Naib Canselor UiTM menghargai dan mengalu-alukan PANDANGAN, CADANGAN DAN PERTANYAAN DARIPADA SELURUH WARGA UiTM

Salurkan melalui

facebook Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar

atau E-mailkan ke

datosahol@salam.uitm.edu.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Destini Anak Bangsa, UiTM Sentiasa Di Hati BCI, DALAM DARAHCU, UiTM MENGALIR

UiTM Sentiasa
Di Ku

UiTM... Mengubah Destini Anak Bangsa

Konsep & Rekabentuk: Jabatan Komunikasi Korporat

Saya tidak nafikan bahawa adakalanya terdapat pelajar yang membuat aduan palsu dan membuat aduan dengan mengikut emosi apabila tidak puas hati dengan sesuatu perkara. Saya sedia maklum akan perkara berkenaan. Malahan, baru-baru ini, saya telah memberitahu kepada para pelajar bahawa kebanyakan aduan yang dibuat didapati tidak munasabah dan ada juga yang tidak benar. Rata-rata pelajar menyokong pendirian saya, dan memahami tindak-tanduk yang diambil oleh pihak pengurusan. Ini termasuklah isu kekurangan tempat letak kereta di Kampus Shah Alam, yang dibangkitkan baru-baru ini. Susulan daripada itu, satu kaji selidik telah dibuat melalui *Facebook* UiTM.

Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa para pelajar pada amnya bersetuju bahawa bukan hak pelajar untuk membawa masuk kereta ke dalam kawasan kampus, dan pelajar tidak harus dibenarkan untuk berbuat sedemikian. Kita sedia maklum bahawa peraturan yang sama memang wujud di universiti-universiti lain. Insya Allah kita juga akan menjadikannya satu polisi di UiTM. Di samping itu, kita akan pastikan agar keutamaan tempat letak kereta diberi kepada profesor-profesor, pensyarah-pensyarah dan kakitangan yang lain, bagi memudahkan warga kerja menjalankan tugas untuk universiti.

Sebenarnya, ada juga staf yang menulis dan mengadu melalui *Facebook*, bukan saja pelajar. Bagi saya, kalau kita sebagai pemberi khidmat telah menjalankan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan, kita tidak perlu gusar kalau ada sesiapa pun yang membuat aduan. Dan, sekiranya ada teguran daripada saya susulan daripada aduan tersebut, ia setakat peringatan bahawa sememangnya kelemahan wujud dalam operasi universiti. Tidaklah sampai saya mengambil tindakan drastik terhadap pihak yang diadu. Tanggungjawab kita ialah untuk memastikan bahawa UiTM mengamalkan penambahbaikan berterusan. Bagaimanapun, saya tidak teragak-agak untuk menegur mana-mana pelajar yang menyalahgunakan kemudahan *Facebook* ini apabila saya merasakan perlu.

Namun, saya merasakan penting bagi kita generasi pra-ICT yang juga digelar sebagai *ICT immigrants*, memanfaatkan kewujudan jaringan sosial seperti *Facebook*. Dengan cara ini, kita dapat mengurangkan

jurang antara generasi terdahulu dengan generasi *ICT natives*, khususnya golongan pelajar yang ada sekarang. Saya juga merasakan adalah wajar untuk melayan pertanyaan dan permintaan para pelajar semampu mungkin bagi memberi mereka keyakinan bahawa UiTM serius dalam menyediakan perkhidmatan.

Dalam amanat saya tahun lalu, saya telah menekankan pentingnya peranan Pusat Islam bagi mengimbangi ilmu dunia para pelajar dan kakitangan kita melalui pengisian rohani, dengan menganjurkan program-program yang mampu membentuk akhlak dan jati diri setiap warga, tidak kira pelajar atau warga kerja. Selain itu, program-program tersebut juga bertujuan memupuk persefahaman sesama pelajar serta warga kerja Islam, dan juga antara yang Islam dengan yang bukan Islam. Ini selari dengan hasrat kepimpinan negara untuk memperkuuh semangat 1Malaysia.

Alhamdulillah, saya dapat bahawa Pusat Islam dan juga CITU telah memainkan peranan masing-masing bagi memperkasa syiar Islam dalam kelompok UiTM melalui pelbagai inisiatif. Insya Allah, saya harap akan dapat melihat Pusat Sehenti atau *One-Stop Centre* sebagai hab percambahan minda dalam kalangan pelajar dan kakitangan, di samping menjadikan masjid UiTM sebagai mercu tanda ummah. Marilah kita sama-sama menghidupkan suasana keilmuan di Pusat Islam, dengan menggabungkan ilmu dunia dan tuntutan akhirat, di samping mempererat ukhuwah, seperti yang diamalkan semasa zaman kegemilangan Islam dulu. Saya menaruh harapan agar CITU terus komited dan memainkan peranan yang lebih proaktif bagi menjayakan usaha UiTM untuk:

- Mengangkat Masjid UiTM menjadi Rumah Allah yang bertaraf lima bintang;
- Mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menamakan masjid kita sempena nama Tuanku sebagai Canselor UiTM;
- Memperkasa program Celik Al-Quran dan Celik Jawi dengan menyemarakkan pembelajaran dan pengajaran tulisan Jawi dalam kalangan pelajar dan juga warga;
- Menghidupkan dan merancakkan penggunaan dan penampilan tulisan Jawi sebagai identiti sebuah institusi yang mapan jati dirinya bercirikan bangsa Malaysia, bermula dengan usaha yang mudah,



Program Karnival Jawi anjuran CITU di bawah VCSP, 2010



Perasmian 'Halaqah & Sadaqah' anjuran CTTU di bawah VCSP, 2010

seperti menampilkan tulisan Jawi pada papan tanda dan nama jalan di seluruh kampus, selain menganjurkan pertandingan berkaitan Jawi.

Dalam hal mengimbangi tuntutan duniawi dan ukhrawi, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada warga UiTM yang telah menyumbangkan zakat dan sedekah untuk pelajar-pelajar miskin. Saya berbangga kerana UiTM telah menjadi pelopor dalam inisiatif kutipan dan agihan zakat di IPT yang bermula sejak tahun 1998. Bagi tahun 2010, kutipan zakat oleh pihak UiTM telah mencapai sejumlah RM4 juta, dan daripada jumlah tersebut, UiTM memperolehi 50 peratus untuk diagihkan kepada lebih 2,000 pelajar UiTM yang miskin. Dalam hal ini, CITU perlu mengambil langkah yang lebih agresif bagi memastikan kutipan zakat dan sedekah dapat terus ditingkatkan supaya lebih ramai pelajar miskin dan pelajar di bawah program MDAB dapat dibantu.

Oleh itu, bagi yang belum melakukannya, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk meramaikan jumlah warga kerja UiTM yang layak berzakat, untuk membayar zakat dan mengambil bahagian dalam Program Zakat dan Sadaqah, yang telah dilancarkan tahun lalu, dengan menyumbangkan sekurang-kurangnya satu ringgit bagi setiap warga. Malahan, pada tahun ini, saya ingin melihat semua fakulti dan setiap bahagian memainkan peranan yang lebih menyerlah dengan memainkan peranan sebagai penganjur majlis berbuka puasa, yang diadakan di Pusat Islam bagi meraikan pelajar dan kakitangan masing-masing.


3. Pusat Perancangan Strategik

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada warga PPS yang telah menyediakan **Dokumen Perancangan dan Pelaksanaan RMKe-10 UiTM**. Dengan adanya dokumen yang komprehensif ini, insya Allah, kita akan terarah dalam usaha untuk mencapai hala tuju strategik universiti bagi lima tahun akan datang. Alhamdulillah, dokumen penting ini akan dilancarkan hari ini, dan akan menjadi sumber rujukan bagi semua bahagian, fakulti dan kampus negeri dalam membentuk perancangan strategik mereka.

Sasaran utama UiTM ialah untuk menjadi sebuah universiti tersohor menjelang tahun 2020. Justeru, satu **Model Hala Tuju Strategik UiTM**:

UiTM's STRATEGIC DIRECTION MODEL

"Mengubah Diri ke Anak Bangsa"



Model Hala Tuju Strategik UiTM

Mengubah Destini Anak Bangsa dan enam KPI telah ditetapkan bagi memacu universiti demi mencapai sasaran tersebut. Setiap warga haruslah memahami dan menghayati aspirasi universiti, dan bertindak secara strategik bagi mencapai keenam-enam KPI tersebut. Ketua-Ketua Jabatan dipohon untuk mendapatkan maklumat rasmi yang berkaitan daripada PPS, bagi memastikan perancangan yang dibuat berdasarkan maklumat dan fakta yang kukuh.

Saya yakin, jika kita terus terarah dalam memastikan wujudnya perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang strategik dan mantap, tidak mustahil UiTM akan dapat mencapai aspirasinya untuk menjelajah persada dunia sebagai sebuah universiti tersohor, menjelang tahun 2020. Dalam hal penyelidikan dan inovasi, alhamdulillah, UiTM telah menampakkan peningkatan yang sungguh memberangsangkan melalui:

- Pertambahan usaha menjana sumber kewangan melalui pengkomersialan produk R&D;
- Penambahan jumlah pensyarah berkelulusan PhD;
- Penambahan jumlah penerbitan dalam jurnal berindeks;
- Penambahan jumlah penerbitan, termasuk penerbitan *high-end books*;
- Mempergiat usaha menambah pembiayaan untuk penyelidikan daripada organisasi swasta dan antarabangsa;
- Memperhebat usaha mematenkan produk inovasi;
- Penambahan peratusan pensyarah yang mendaftar di dalam *Directory of Expertise*, iaitu sebanyak 87 peratus daripada jumlah keseluruhan kakitangan akademik UiTM.

4. Pembangunan Infrastruktur dan ICT

UiTM komited untuk membudayakan teknologi hijau di seluruh sistem universiti bagi menyokong usaha pemuliharaan alam dan alam sekitar, di samping mempamerkan keprihatinan UiTM terhadap tanggungjawab sosial menjaga kesejahteraan negara. Kita telah pun memulakan usaha ini di Kampus Puncak Alam, di bawah Projek Teknologi Hijau. Pada masa yang sama, kita juga perlu memastikan agar agenda enrolmen 250,000 pelajar menjelang tahun 2015 akan tercapai dengan jayanya. Justeru, pembangunan kampus-kampus terus dilaksanakan melalui konsep PFI dan PFI-S.



ARSHAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL

Model Cadangan Bangunan AAGBS di Seksyen 14, Shah Alam

Pembangunan berkonseptan PFI sedang rancak dilaksanakan meliputi pembangunan kampus-kampus baru, dengan penyelenggaraan keseluruhan bangunan dan infrastruktur terletak di bawah tanggungjawab pemegang konsesi, lantaran boleh menjimatkan wang UiTM dan juga wang kerajaan. Pemegang konsesi juga akan membina pelbagai kemudahan sokongan untuk pelajar, termasuklah kompleks komersial dan rekreasi. Antara projek kebanggaan yang akan menjadi mercu tanda UiTM, insya Allah, ialah pembinaan:

Super Hospital: Kerajaan telah pun memberi peruntukan untuk membina hospital dan bangunan fakulti. UiTM merancang untuk membina kompleks komersial dan kompleks sukan di sekitar kawasan hospital. UiTM juga bercadang untuk memajukan kawasan ini sebagai pusat pelancongan perubatan atau *medical tourism centre*, selain digunakan untuk manfaat pelajar-pelajar kita di Kampus Puncak Alam. Insya Allah, apabila siap nanti, *super hospital* ini akan menjadi pembangunan seumpamanya yang pertama dibina di negara kita;

Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS): Insya Allah, bangunan ini akan dibina di Seksyen 14 Shah Alam, dan apabila siap nanti, *AAGBS* akan menjadi mercu tanda satu impian yang menjadi kenyataan. Saya pasti kita semua sekata bahawa sebagai pengasas ITM, jasa dan sumbang bakti Yang Berbahagia Tan Sri Arshad Ayub, sememangnya melayakkan nama beliau diabadikan pada bangunan yang bakal dibina ini. Bangunan tersebut akan dijadikan pusat komersial dan dijangka akan menempatkan entiti seperti MASMED, InED dan juga KDVI.

5. Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat

Saya berbangga dengan pencapaian UiTM dalam menjana sumber kewangan melalui pelbagai inisiatif pengkomersialan. Malahan, apa yang telah kita capai setakat ini tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa usaha gigih serta sokongan tidak berbelah bagi warga Pejabat Timbalan Naib Canselor JIM.

Tahun ini, saya berharap agar warga JIM akan terus memperhebat usaha untuk memantapkan cabang komersial UiTM, termasuk, penjenamaan semula INTEC. Pejabat JIM juga perlu bekerjasama dengan BHEA dalam

memperkuuh usaha sama akademia dengan industri bagi memantapkan kurikulum UiTM, di samping menyemarakkan gandingan tokoh-tokoh industri dengan para akademik, bagi menambah nilai graduan UiTM. Saya juga menaruh harapan agar semua gugusan di bawah JIM, termasuk UiLC dan juga MASMED, akan terus komited untuk memastikan agenda pengkomersialan UiTM akan dapat mengangkat universiti ini ke tahap yang setanding dengan universiti-universiti yang telah lebih lama menempa nama dalam bidang pendidikan tinggi.

Selain daripada kerjasama yang sedia terpupuk, melibatkan industri dan masyarakat, kita juga telah mengorak langkah memupuk kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan demi memantapkan sistem penyampaian pihak-pihak yang terlibat, di samping merakyatkan UiTM. Usaha ini juga bagi memberi pendedahan kepada warga, khususnya para pelajar, budaya yang penuh berdisiplin. Dalam hal ini, sukacita dimaklumkan bahawa UiTM sedang dalam proses memeterai MoU dengan PDRM dalam pelbagai bidang berkaitan, termasuklah R&D, penubuhan akademi pengajian kepolisian, pembelajaran sepanjang hayat, penubuhan Polis Bantuan UiTM, dan juga penambahan serta pengukuhan Kor SUKSIS meliputi semua kampus cawangan.

Di samping itu, juga seiring dengan usaha untuk merakyatkan UiTM, PTAR seringkali terlibat dalam inisiatif khidmat nasihat dan kepakaran dari segi pengurusan maklumat kepada badan-badan luar. Salah satu usaha murni yang dijalankan oleh PTAR ialah memberi khidmat kepada perpustakaan sekolah, termasuklah yang terdapat di penempatan FELDA. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada program *outreach* PTAR dalam usaha memasyarakatkan ilmu dan mengilmukan masyarakat. Harapan saya, semoga pengurusan serta kakitangan PTAR akan terus komited untuk mendekatkan UiTM dengan masyarakat melalui program-program ilmu seperti yang telah dijalankan sebelum ini.

6. Memperkasa Keusahawanan

UiTM bertekad untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan untuk menjadi pekerja pilihan utama majikan dan profesional yang berwibawa, malahan kita juga mahukan graduan kita berkemampuan untuk menceburi bidang perniagaan sebagai majikan apabila mereka memasuki pasaran kerja kelak. Walaupun selama



Malaysian Academy of SMEs and Entrepreneurship Development (MASMED)

Good Morning, Sahol Hamid Abu Bakar(Dato Prof Ir Dr)



Friday, 20 May 2011

[Project Home](#) [Overview](#) [Tasks](#) [Issues](#) [Risks](#) [Lists](#) [Documents](#)

Project Health

Project Name	Project Managers	% Complete	Schedule Status	Workplan QA	Active Tasks
Embedding entrepreneurial traits in curriculum	Ismail Abd Wahab (Prof C)	100 %	✓	5. Approved	1
Technopreneurship Programmes	Ismail Abd Wahab (Prof C)	55 %	✓	5. Approved	14
Accreditation of business counselors	Ismail Abd Wahab (Prof C)	99 %	✓	5. Approved	7

Work Due By

Title	Work	Assigned To
<input checked="" type="checkbox"/> (1) Overdue		
<input checked="" type="checkbox"/> (5) Due Next Week		
<input checked="" type="checkbox"/> (6) Due This Month	27/05/2011	
<input checked="" type="checkbox"/> (7) Future	31/05/2011	
		10/09/2012

Task Summary

In Progress: 7 (10%)	<div style="width: 10%; background-color: #99FF99;"></div>
Late: 0 (0%)	<div style="width: 0%; background-color: #99FF99;"></div>
Not Started: 9 (13%)	<div style="width: 13%; background-color: #99FF99;"></div>
Completed: 51 (76%)	<div style="width: 76%; background-color: #99FF99;"></div>


What's new

Development of Programme Materials	5 days ago	Ismail Abd Wahab (Prof Dr Hj)
Prepare trainers' manual	5 days ago	Ismail Abd Wahab (Prof Dr Hj)

VCSP Remarks

[Sent!](#)

Projects Status (Avg % Complete)



% Complete Task

Project Status

Projek MASMED 'Memperkasa Keusahawanan' di bawah VCSP, 2010

ini, UiTM telah merangkumkan aspek keusahawanan dalam kurikulum dan kokurikulum, namun sejak tahun lalu, usaha memantapkan bidang keusahawanan bagi melahirkan majikan dari kalangan graduan telah diperhebatkan melalui penubuhan MASMED.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Penolong Naib Canselor Keusahawanan atas komitmen beliau dalam menterjemahkan hasrat saya untuk memperkasa dan membudayakan keusahawanan di UiTM melalui pelbagai program di bawah MASMED. Saya mengharapkan agar semua pihak yang berkenaan teruskan usaha gigih untuk menyemarakkan budaya keusahawanan di samping memantapkan kemahiran pelajar bagi mempersiapkan mereka untuk menerokai bidang perniagaan sebagai majikan – sama ada di dalam atau di luar negara. Insya Allah, melalui usaha ini, UiTM bukan setakat memainkan peranan mendukung agenda negara untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang perniagaan, malahan matlamat kita juga sejajar dengan agenda KPT untuk memperkuuh bidang keusahawanan di peringkat pengajian tinggi. Dalam hal ini, kita boleh berbangga kerana UiTM telah mendahului IPT-IPT lain dalam membudayakan keusahawanan sejak awal lagi. Insya Allah, kita juga akan mendahului rakan-rakan IPT yang lain untuk melahirkan majikan dari kalangan graduan kita.

7. Pejabat Pendaftar

Saya ingin mengucapkan syabas kepada warga pentadbiran dan bukan akademik atas segala sokongan dan komitmen bagi memastikan hasrat saya untuk memperkasa UiTM tidak terhalang, malah terus terlaksana dengan jayanya.

Sokongan padu yang saya terima daripada para pentadbir dan kakitangan sokongan juga telah mempermudahkan usaha saya untuk memantapkan sistem penyampaian akademik UiTM. Sejak memperkenalkan VCSP pada tahun lalu, Pejabat Pendaftar telah banyak membantu dalam memudahkan proses:

- Pengambilan Profesor bertujuan memanfaatkan kepakaran mereka dan memantapkan perkembangan akademia universiti;
- Penghantaran pensyarah untuk latihan industri/program sangkutan;

Kata Setia

Budaya PERDANA UiTM

Gagasan Budaya PERDANA UiTM menumpu kepada orientasi amalan warga terhadap Nilai dan Etika UiTM berasaskan 7 Prinsip PERDANA yang mendasari konsep Budaya Kerja Kelas Pertama sebagai Insan Berihsan.

Justeru, Budaya PERDANA UiTM wajar difahami, dihayati dan diamalkan oleh setiap warga berasaskan norma-norma berikut:

- PERDANA cara berfikir & pemikiran,
- PERDANA cara merasa dan menghayati, dan
- PERDANA cara bertindak dan berperilaku



Pandaus dan
Pesisir



Empati



Relevant



Daya Saing



Amanah, Adil
dan Integriti




Nilai Tambah
dan Kelamatan



Ariif dan
Berlumbung

Agar budaya warga UiTM sesuai dan mampu memacu kelestarian demi kegemilangan UiTM.



Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar, FASc
Naib Canselor



Pernyataan semula di UiTM Shah Alam
pada 09 April 2010



- Pengambilan pensyarah dari negara-negara penutur asal sebagai tenaga pengajar bahasa ibunda mereka.

Selain itu, UiTM telah pun melaksanakan kaedah penilaian bagi mengukur keterampilan dan kewibawaan warga akademik melalui soal selidik Keserakahan dan Keramahan. Kaedah ini bertujuan untuk membantu pihak pengurusan menilai pensyarah secara lebih menyeluruh, dengan tidak memberi tumpuan kepada pencapaian akademik dan pembabitan dalam bidang kesarjanaan semata-mata. Ini kerana saya merasakan bahawa seorang pensyarah bukan sahaja harus hebat dalam bidang ilmu yang diceburi, malahan juga harus menjadi contoh dari segi keperibadian unggul sebagai warga pendidik.

Dalam hal pembangunan modal insan, alhamdulillah, UiTM bolehlah dikatakan seimbang dari segi nisbah pensyarah dan kakitangan pentadbiran, yang kini berada pada kedudukan 1 : 1.09. Manakala nisbah pelajar dan pensyarah pula kini pada kedudukan 1 : 18 – angka yang menepati sasaran KPT bagi penggal RMKe-9. Selain itu, Pejabat Pendaftar juga telah berjaya menyempurnakan dua inisiatif penting iaitu Cadangan Tadbir Urus ke arah Pelaksanaan Autonomi Universiti Negeri UiTM, dan Pelancaran Semula Kata Setia Budaya PERDANA UiTM.

Kumpulan Jawatan	Jumlah	Nisbah A : P
Akademik	8,210	1 : 1.00
Pentadbiran	8,925	1 : 1.09
Jumlah Besar	17,135	17,135

Jumlah dan Nisbah Kakitangan Akademik berbanding Pentadbiran

Harapan saya, semoga Pejabat Pendaftar akan terus menggerakkan dan menyemarakkan budaya kerja yang berlandaskan kecemerlangan melalui konsep Budaya PERDANA, meliputi seluruh warga UiTM. Saya juga berharap agar bahagian pentadbiran sentiasa komited dalam memberi bantuan dan sokongan kepada warga akademik, dan memastikan agar

tindak-tanduk dan layanan yang diberi tidak menjadi penghalang kepada sebarang usaha memperkasa akademia dan universiti keseluruhannya.

8. Pejabat Bendahari

UiTM bertuah kerana mempunyai sistem pengurusan kewangan yang mantap dan cekap. Keupayaan kita menerajui sistem pengurusan kewangan universiti yang hebat terhasil daripada kepakaran dan komitmen seluruh warga di bawah Pejabat Bendahari. Tidak dapat dinafikan, sistem FAIS yang dikendalikan oleh Pejabat Bendahari merupakan aset berharga bagi kita di UiTM. Ini terbukti apabila Pejabat Bendahari UiTM telah berjaya memperolehi audit bersih daripada Ketua Audit Negara, selama 10 tahun berturut-turut.

Kecekapan Pejabat Bendahari memang telah terbukti. Umpamanya, walaupun peruntukan kewangan tahunan bagi universiti tidak bertambah, namun Pejabat Bendahari tetap berupaya merancang dan menjayakan projek-projek universiti. Ini termasuklah projek pembangunan kampus-kampus baru, dan juga projek MDAB yang setakat ini telah berjaya mengumpul dana sebanyak **RM15 juta**. Alhamdulillah, Pejabat Bendahari sentiasa prihatin terhadap peranan UiTM sebagai sebuah universiti mega, lantaran menjadikan satu keutamaan dalam memastikan agar program-program akademik tidak akan terjejas walaupun dalam keadaan wujudnya kekangan dari segi peruntukan kewangan.

Syabas saya ucapkan kepada warga Pejabat Bendahari yang telah memulakan satu proses transformasi untuk mengamalkan pengurusan berhemat atau *lean management*, yang sekali gus menjadikan UiTM sebuah IPT yang paling berjaya dari segi sistem pengurusan kewangan universiti. Dalam pada itu, saya berharap agar warga UiTM akan sentiasa berhemat, dan berhemah apabila merancang program-program di peringkat kampus cawangan, fakulti ataupun bahagian masing-masing. Saya yakin warga Bendahari akan terus memberi komitmen untuk memastikan warga universiti mengamalkan perbelanjaan berhemat, namun dalam pada itu, pihak Bendahari juga perlu memastikan agar sokongan dan bantuan sentiasa diberi bagi mempermudahkan urusan universiti, lantaran tidak menjadi penghalang ke arah pemerkasaan UiTM sebagai sebuah universiti yang membudayakan kecemerlangan akademik dan kesarjanaan.

Bursar's Office > Task Center

View Project: Cost reduction programme

To edit your workplan, please click Action button and choose Edit in Work Planner. Workplan QA Status: 5. Approved Edit VCSP Comment

[View Project Summary](#)

Actions ▾ Settings ▾ Show Filters View: Planning View

Task Name	Schedule Status	Duration	Start	Finish	Resource Names	% Complete	Milestone
Cost reduction programme			1/06/2010	25/07/2012			
Suggested revised rate for office entertainment and number of guests at official functions						60 %	
Develop policy for the new rate and number of guests	✓	16.00	16/07/2010	31/07/2010		100 %	
Develop paperwork for JKP	✓	41.00	7/08/2010	15/09/2010		100 %	
Discussion with Chancellory	✓	19.00	16/09/2010	4/10/2010		100 %	
Approval from JKE	✓	72.00	5/10/2010	15/12/2010		100 %	
Revised paper for JKP approval	✓	5.00	16/12/2010	20/12/2010		100 %	
Circulate new rate to all PTJ and campuses	✓	1.00	4/01/2011	4/01/2011		100 %	
Implementations and enforcement at all PTJ and campuses	🟡	260.00	1/01/2011	17/09/2011			
Analyze and present report on implementations	🟡	63.00	2/01/2012	4/03/2012		50 %	
Revise budget for door gift, yearly calendar, diaries and greeting cards	🟡	655.00	16/07/2010	30/04/2012		44 %	
Workshop on ePMO to discuss the project with task team	✓	1.00	16/07/2010	16/07/2010		100 %	
Develop draft paperwork for discussion and JKE	✓	41.00	7/08/2010	15/09/2010		100 %	
Discussion with Jabatan Komunikasi Korporat	✓	19.00	16/09/2010	4/10/2010		100 %	
Admendment paperwork after discussion	✓	147.00	5/10/2010	28/02/2011		100 %	
Discussion with Bursary, Project Manager and Corporate Communication	🟡	92.00	1/03/2011	31/05/2011		80 %	
Approval from JKE	🟡	11.00	31/05/2011	10/06/2011		0 %	
Circulate to all PTJ and campuses	🟡	19.00	13/06/2011	1/07/2011		0 %	
Implementations in all PTJ and campuses	🟡	214.00	1/07/2011	30/01/2012			

Projek Pengurusan Berhemat (*Lean Management*) Pejabat Bendahari di bawah VCSP, 2010



Institute of Quality and Knowledge Advancement (InQKA)

Good Morning, Sahol Hamid Abu Bakar(Dato Prof Ir Dr)



Friday, 20 May 2011

Project Home Overview Tasks Issues Risks Lists Documents

Quality Management Projects > Task Center

View Project: Anti plagiarism project

To edit your workplan, please click Action button and choose Edit in Work Planner.

View Project Summary

Actions	Settings	Show Filters	Schedule Status	Duration	Start	Finish	Resource Names	% Complete	Milestone	Task
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	27.00	1/06/2010	27/06/2010		100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	1.00	1/06/2010	1/06/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	Yes	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	21.00	7/06/2010	27/06/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	21.00	7/06/2010	27/06/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	109.00	7/06/2010	23/09/2010		100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	17.00	7/06/2010	23/06/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	40.00	15/08/2010	23/09/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	Yes	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	60.00	3/05/2010	1/07/2010		100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	13.00	3/05/2010	15/05/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	27.00	1/06/2010	27/06/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	31.00	1/06/2010	1/07/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	20.00	1/07/2010	20/07/2010		100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	20.00	1/07/2010	20/07/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	77.00	2/08/2010	17/10/2010		100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	33.00	15/09/2010	17/10/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	Yes	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	53.00	2/08/2010	23/09/2010	PM Juridah bt Atn	100 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	359.00	7/07/2010	30/06/2011		18 %	No	
<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	11.00	7/07/2010	17/07/2010		100 %	No	

Projek Anti-Plagiat di bawah VCSP, 2010

Walaupun UiTM telah menempuh kejayaan melalui strategi dan pendekatan yang diwarisi daripada peneraju-peneraju terdahulu, namun kita perlu terus memandang ke hadapan dan tidak bergantung pada kaedah-kaedah masa lampau. Sebaliknya, UiTM memerlukan pendekatan baru, aspirasi baru, dan tekad baru yang didorong atas semangat untuk mencemerlangkan universiti – sama ada dalam hal tadbir urus kewangan, pengurusan akademik, pengurusan sumber, ataupun pembentukan modal insan dalam kalangan warga dan pelajar.

Salah satu usaha kita bagi membudayakan kecemerlangan ialah dengan membendung amalan plagiat – baik yang melibatkan pelajar maupun warga kerja. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penolong Naib Canselor InQKA serta ahli jawatankuasa beliau yang telah mengusahakan mekanisme bagi mengekang perlakuan yang tidak beretika ini, termasuklah dengan memperkenalkan Dasar Anti-Plagiat UiTM. Insya Allah, dengan cara ini, kita akan dapat memperkasa kesarjanaan, selain mendidik warga supaya membudayakan etika kerja yang memenuhi tuntutan dunia akademia.

9. Agenda Melayu

UiTM komited dalam memperjuangkan agenda Melayu atas kepercayaan bahawa kaum bumiputera, sebagai kaum majoriti di negara ini dan sebagai kaum pribumi tanah tercinta ini, memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dan kesejahteraan negara. Oleh itu, bagi memastikan kesinambungan dalam usaha memperkasa UiTM sebagai pelengkap citra Melayu dan bumiputera, maka kita telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif bagi memastikan kesejahteraan bangsa dan negara akan terus terjamin. Ini termasuklah dengan menujuhkan IMPAK. Insya Allah, melalui inisiatif ini, kita akan terus berusaha untuk meletakkan Melayu di peta dunia. Harapan saya semoga tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan sentiasa bersama saya untuk memastikan aspirasi ini terus didukung dan disokong.

10. Peralihan Kuasa Kepimpinan

Saya ingin mengucapkan syabas kepada iLQAM dan juga JPbSM atas usaha dan komitmen dalam menjayakan inisiatif peralihan kepimpinan atau *succession planning* bagi memantapkan struktur kepimpinan UiTM.

Malahan, usaha mengenal pasti pewaris atau pelapis merupakan suatu perkara yang saya anggap penting, sama ada peralihan di peringkat pengurusan kanan, ataupun barisan pelapis di peringkat lain. Usaha sebegini boleh menjamin agar UiTM terus cemerlang dan unggul dalam pelbagai aspek pengurusan.

Alhamdulillah, inisiatif yang menyokong hasrat saya ini telah pun berjalan lancar melalui program-program iLQAM, bagi memenuhi keperluan peralihan kepimpinan di peringkat Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Dekan, Pengarah Kampus dan Pengarah Pusat Kecemerlangan, Pengerusi RIG, Ketua atau Koordinator Program, dan juga Koordinator Kursus.

Antara program yang telah dilaksanakan sejak tahun lalu, ialah: *Leadership Series*, *Professional Talk Series*, *Teambuilding for Leaders*, dan juga *9 Vice Chancellor's Series (9VC Series)*. Malahan, *9VC Series* merupakan modul yang saya bina bagi tujuan memantapkan pelan peralihan kepimpinan universiti. Saya lakukan ini atas keinsafan bahawa apabila saya meninggalkan UiTM kelak, saya mahukan agar universiti diuruskan oleh pewaris-pewaris yang berwibawa. Saya ingin memastikan supaya UiTM mempunyai senarai nama yang memadai untuk dipilih sebagai pengganti; dan saya juga berharap agar pemimpin yang akan mengambil alih tempat saya akan lebih berjaya mengangkat UiTM ke kedudukan yang lebih tinggi.

Pengakhir Kata

Akhir kata, harapan saya semoga tuan-tuan dan puan-puan akan terus seiring, berdiri bersama-sama saya, bagi memastikan agar agenda memperkasa UiTM tidak terhenti di sini, kerana masih banyak yang perlu dipertingkat dan diperbaiki. Sekiranya kita menginginkan terbinanya sebuah UiTM yang dikenali dan diiktiraf pencapaiannya, melangkaui batas sempadan tanah air sendiri, maka kita perlu bersedia menongkah arus, dalam mendepani cabaran. Kita perlu berlapang dada untuk keluar dari zon selesa, dan mencari kelainan dalam mendidik anak bangsa. Malah, kita perlu sentiasa bersiap siaga untuk menerima pembaharuan dengan hati terbuka, dan jangan mudah berpuas hati dengan apa yang ada, apatah lagi berputus asa ketika rintangan datang melanda.

Saya yakin sekiranya kita bekerja sebagai satu pasukan, kita mampu melepas segala cabaran, dalam usaha meletakkan UiTM di peta dunia. Dan, saya yakin, sekiranya kita sentiasa terarah dalam menepati hala tuju dan matlamat, insya Allah pendakian kita untuk memperkasa UiTM agar sebaris dengan universiti-universiti tersohor dunia, akan sampai ke puncaknya. Sebagai nakhoda, saya perlukan tuan-tuan dan puan-puan agar sentiasa berdiri bersama saya, bagi memastikan bahtera keramat ini berupaya menempuh satu pelayaran yang berakhir dengan kejayaan, demi agama, bangsa, dan negara.

Walaupun saya kini telah sampai ke penghujung jalan dalam kerjaya akademia sebagai peneraju UiTM, tetapi semangat saya untuk terus menyumbang jasa dan bakti tidak pernah luntur. Malah terus utuh dan semakin bertenaga. Kecintaan saya kepada UiTM inilah yang memberi saya kekuatan dan tenaga untuk terus bekerja.


Sekian.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraka-tuh, salam sejahtera, UiTM sentiasa di hatiku.

GLOSARI

AAGBS	<i>Arshad Ayub Graduate Business School</i>
BHEA	Bahagian Hal Ehwal Akademik
CITU	<i>Centre for Islamic Thought and Understanding</i>
FAIS	<i>Financial Accounting Information System</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
HEPA	Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
iLQAM	<i>Institute of Leadership and Quality Management</i>
IMPAK	Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu
InED	<i>Institute of Education Development</i>
INTEC	<i>International Education College</i>
InQKA	<i>Institute of Quality and Knowledge Advancement</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JIM	Jaringan Industri dan Masyarakat
JPbSM	Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
KDVI	<i>Kets de Vries Institute</i>
KPI	<i>Key Performance Indicators</i>
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MASMED	<i>Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development</i>
MBA	<i>Master of Business Administration</i>
MDAB	Mengubah Destini Anak Bangsa
MIT	<i>Massachusetts Institute of Technology</i>
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
OBE	<i>Outcome-based Education</i>
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PFI	<i>Private Finance Initiative</i>
PFI-S	<i>Private Finance Initiative-Special</i>
PPS	Pusat Perancangan Strategik
PERDANA	Budaya PERDANA: Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, Amanah, Adil dan Integriti, Nilai Tambah dan Kelainan dan Arif dan Berilmu
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i>

Pro-KI	Program Kemahiran Insaniah
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
PTAR	Perpustakaan Tun Abdul Razak
RIG	<i>Research Interest Groups</i>
RMKe-9	Rancangan Malaysia Ke 9
RMKe-10	Rancangan Malaysia Ke-10
R&D	<i>Research and Development</i> (Penyelidikan dan Pembangunan)
SCL	<i>Student-centred Learning</i>
S&T	<i>Science and Technology</i> (Sains dan Teknologi)
SUKSIS	Sukarelawan Polis Siswa/Siswi
UePMO	<i>UiTM Electronic Project Management Office</i>
UiLC	<i>Centre for UiTM-Industry Linkage</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA
VCSP	<i>Vice Chancellor's Special Projects</i>
Wi-fi	<i>Wireless fidelity</i>
YB	Yang Berhormat
YAB	Yang Amat Berhormat



Konsep dan Reka Bentuk
Jabatan Komunikasi Korporat, Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam

Urus cetak: Pusat Percetakan, UiTM